

Headline	FRIM rancang tubuh Tabung Amanah Antartika		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	18 Jan 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	24	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	193 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,550
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,650



FRIM rancang tubuh Tabung Amanah Antartika

KEPONG: Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) akan menubuhkan Tabung Amanah Antartika (TAA) bagi menggalakkan bidang penerokaan dan penyelidikan negara di benua Antartika bermula Februari ini.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod berkata, maklumat terperinci berhubung objektif TAA itu sudah dihantar kepada Lembaga FRIM bagi mendapatkan kelulusan sebelum dilaksanakan pengurusan institut selawat-lewatnya September ini.

"Tabung itu bertujuan untuk menampung kos penyelidikan saintis dan penyelidik tempatan bagi menjalankan kajian terhadap nilai khazanah alam yang terdapat di lapisan benua berkenaan.

"Melalui penubuhan tabung ini juga, diharap menggalak-



DR ABD LATIF...tampung kos penyelidikan saintis

kan lebih ramai lagi saintis muda dan pegawai penyelidik Frim untuk menjalankan kajian khususnya berkaitan biji benih yang sukar hidup di bumi untuk ditanam di kawasan sana," katanya pada si-

dang akhbar Ceramah Umum 'Pengembaraan ke Benua Antartika' di sini, semalam.

Ceramah yang menyentuh keistimewaan dan keunikan benua itu disampaikan Pengerusi Program Penyelidikan Malaysia Antartika Akademi Sains Malaysia, Tan Sri Dr Salleh Mohd Nor.

Menurut Dr Abd Latif, FRIM akan menghantar beberapa sampel biji benih tumbuhan untuk ditanam di lapisan bawah benua berkenaan sebagai aset jangka panjang negara yang berpotensi besar kepada keperluan bidang perubatan, farmasi dan juga makanan.

"Berdasarkan kajian yang dilakukan beberapa saintis luar negara membuktikan kandungan mineral yang terdapat di lapisan bawah Antartika itu dipercayai mampu

menggalakkan pertumbuhan biji benih yang sukar hidup di bumi dengan lebih baik.

"Sehingga kini, kami sudah mengenal pasti beberapa biji benih dan tumbuhan untuk dihantar ke sana. Ini antara usaha negara bagi memastikan bidang penyelidikan negara juga mampu menyaingi kajian luar negara," katanya.

Sementara itu, Dr Salleh dalam seminarnya banyak menyentuh mengenai pengalaman beliau mengembara ke benua Antartika, selain berkongsi hasil kajian yang dijalankan ketika ekspedisi bersama rakan saintis.

Katanya, Kelab Antartika perlu ditubuhkan bagi menarik orang ramai khususnya golongan muda menjalankan kajian kerana benua berkenaan mempunyai pelbagai 'keajaiban' untuk diterokai.